

FIKIRAN MELAYU DARI MESIR

Asal Usul Ilmu Falsafah

Bacaan tentang dari mana terbitnya falsafah dan umat mana yang mula-mula telah mengupas ilmu ini dengan mendalam dan teraturnya adalah terjawab dalam makalah ini buah pena seorang pelajar kita di Mesir – P.Q.

(Oleh Sayyid Hussin Suhail)

Dalam kurun yang keempat sebelum Masihi seorang ahli falsafah Greek berkata bahawa orang Greek yang menciptakan ilmu falsafah, semenjak dari Aristu meningkat ke atas hingga ke Thales dalam kurun yang keenam (S.M), orang-orang Greek telah tahu berfalsafah dan telah pandai menggunakan ilmu falsafah. Pendapat ini telah disokong oleh ahli-ahli falsafah Barat baharu dalam kurun yang akhir ini.

Ada pula yang berkata bahawa asal usul ilmu falsafah itu timbulnya di sebelah Timur, dan bukanlah orang Greek yang mencipta dan mengeluarkan ilmu itu ke dunia. Pendapat ini dibawa oleh seorang ahli falsafah iaitu Diogenes Lartius dalam kurun yang ketiga (S.M.) seperti yang tersebut di dalam kitabnya yang masyhur. Ia telah menerangkan kedudukan falsafah di sisi orang-orang Mesir tua dan lain-lain bangsa timur. Pendapat yang kedua itu pun tidak jua tertinggal dari mendapat sokongan ahli-ahli falsafah baharu.

Sekarang di hadapan kita ada dua pendapat yang berlawanan, pertama berpihak ke Barat dan kedua berpihak ke Timur. Sebelum kita percaya kepada salah satu di antara dua pendapat ini patut kita pelajari setakat mana benar dan halus

penyelidikan mereka hingga dapat menghukum kepada satu-satu pihak yang tertentu, supaya terjauhlah kita dari perasaan perdaerahan Barat dan Timur, Asia dan Eropah.

Berpihak ke Timur

Ahli-ahli tarikh mengaku bahawa orang-orang Timur lebih dahulu mengenal dunia dalam masa orang-orang Barat masih dalam gelap-gelita. Orang-orang Timur telah maju dan telah sampai kepada tingkat kemajuan yang tinggi dalam serba jenis ilmu pengetahuan, kebudayaan dan sebagainya. Dengan secara praktikal mereka telah dapat mengeluarkan beberapa ilmu seperti ilmu hisab, geometri, teknikal, sains, dan lain-lainnya. Tetapi dalam rekaan mereka mengeluarkan ilmu-ilmu itu bertujuan untuk perkhidmatan hidup mereka atau untuk memuaskan *gharīzah* (tabiat) kasih kepada agama yang menjadi sifat semula jadi kepada mereka. Orang-orang Mesir tua telah membina Piramid (*al-Ahrām*) dengan menggunakan ilmu teknikal bagi memimpin mayat raja-raja mereka. Orang-orang Parsi telah mereka ilmu falak bagi mengetahui musim bercucuk tanam dan menjadi pedoman dalam pelayaran. Begitu juga dalam hal agama, mereka telah

mengenal tuhan seperti orang-orang Yahudi. Mereka percaya bahawa Tuhan itu satu. Mereka tahu orang-orang yang mati itu akan hidup semula. Mereka percaya bahawa dunia ini ada mula dan ada akhirnya, dan lain-lain buah fikiran yang semuanya itu telah menjadi satu perkara yang dibahas betul-betul oleh ahli falsafah Greek yang datang kemudian daripada mereka. Dengan ini nyatalah bahawa pendapat yang mengatakan bahawa ilmu falsafah itu timbulnya di Timur, ada jua kebenarannya tetapi tak dapat lagi kita hendak percaya dengan begitu sahaja sebelum kita mengetahui akan hujah-hujah pihak kedua.

Berpihak ke Barat

Benar, orang-orang Timur telah dahulu mengenal dunia, dan telah dahulu dapat mengeluarkan beberapa fikiran yang waras, mengetahui beberapa ilmu yang berguna untuk hidup manusia, serta beberapa pendapat berkenaan dengan wujudnya dunia ditadbirkan oleh suatu kuasa yang tertinggi, seperti faham orang-orang Yahudi atau ditadbirkan oleh dua kuasa yang berlawanan, baik dan jahat, seperti faham orang-orang Parsi, ataupun seperti faham orang-orang Hindu yang mengatakan bahawa tuhan itu menjelma ke dalam jiwa manusia.

Perkara ini baik pun dalam perkara agama atau pun dalam ilmu pengetahuan semuanya didorong oleh kehendak hidup manusia, dengan menggunakan akal dan percubaan, tidak seperti yang difaham oleh orang-orang Barat atau lebih lagi orang-orang Greek tua, kerana mereka berfikir dalam perkara yang tersebut bukan gunanya untuk kemakmuran hidup mereka, tetapi mereka mencari kebenaran dan pengetahuan hanya untuk kebenaran dan pengetahuan semata-mata yang bererti mereka menggunakan akal fikiran untuk mencari kebenaran dan untuk memuaskan kelazatan berfikir dan bukanlah di sebaliknya ada mempunyai tujuan hidup yang tertentu atau didorong oleh perasaan kasih

kepada agama seperti yang digunakan oleh orang-orang Timur dalam cara mereka berfikir.

Orang-orang Greek berfikir dengan menggunakan akal semata-mata bersandar kepada dalil-dalil akli. Aristoteles ialah orang yang pertama menggunakan cara ini kemudian datang pula beberapa orang ahli falsafah mengikut jejak langkahnya, di antaranya Euclides (Euclides) yang telah meletakkan usul-usul ilmu geometri yang telah tinggal menjadi peraturan ilmu itu hingga berkurun-kurun lamanya.

Kalau orang-orang Timur dapat menggunakan bintang-bintang di langit bagi mengetahui musim bercucuk tanam dan untuk menjadi pedoman di dalam pelayaran mereka di laut dan di darat, orang-orang Greek dapat pula menggunakan bintang itu secara teori untuk mengetahui sebab-sebab timbul dan hilangnya dari pandangan. Kalau timbul apa pendapatnya dan kalau hilang apa pula pembawaannya. Jauh dari itu mereka dapat meletakkan undang-undang yang tertentu dan mentafsirkan perjalanan bintang bulan dan matahari. Kembalinya kelebihan pendapat itu kepada Ptolemy dalam kurun yang kedua (S.M.) yang tersebut di dalam kitabnya yang pertama (*Majesty*) iaitu salah satu kitab ambilan yang berharga dalam ilmu falak hingga sekarang ini.

Begitu jua segala ilmu yang telah menyampaikan orang-orang Timur kepada pengetahuan agama telah dibahas oleh orang-orang Greek dengan menggunakan dalil-dalil akli. Orang-orang Timur berbahas dalam perkara ini dengan dorongan perasaan keagamaan dan kuat pegangan mereka kepada ajaran agama. Inilah sebabnya maka kita dapati perbahasan mereka bercampur-aduk fikiran keagamaan dan falsafah, yang bererti mereka berbahas kerana agama atau agamalah yang menunda mereka kepada perbahasan. Jauh perbezaan dengan keadaan ahli-ahli fikir Greek, kerana mereka campakkan agama ke tepi, mereka gunakan akal semata-mata mencari kebenaran. Untuk kebenaran bukan untuk apa-apa

Di sini teranglah bagi kita bagaimana pihak yang menyebelahi Barat memaham erti falsafah. Mereka menghadkan takrifnya semata-mata kepada apa-apa yang bersangkutan dengan pengetahuan otak yang dapat menyampaikan kepada kenyataan dan pengetahuan. Mereka tidak mengendahkan sama ada pengetahuan dan kebenaran itu berguna untuk hidup atau tidak. Tetapi yang menjadi tumpuan ialah sekiranya dapat sampai kepada apa sahaja yang benar dan dapat meletakkan undang-undang atau kaedah yang tertentu di dalam satu-satu perkara yang dibahas.

Jika demikian tidak hairan bagi kita sekiranya mereka berkata bahawa ilmu falsafah itu timbulnya di Barat, kerana orang-orang Greeklah yang mula-mula sekali menggunakan cara ini.

Menyedari Tidur

Sekalipun banyak daripada ahli-ahli falsafah telah menyebelahi Barat, orang-orang Timur tidak pula tertinggal dari mendapat sokongan orang-orang barat sendiri seperti Morson Oorsel dan E. Breiny yang mengalu-alukan kelebihan orang-orang Timur membongkar khazanah ilmu pengetahuan ke alam wujud, kemudian ilmu-ilmu itu berpindah ke barat, diterima oleh orang-orang Barat disalut, disarung, dan ditukar pakaian baharu, selepas itu dikeluarkan sekali lagi segala-galanya telah berubah, berubah cara, berubah rupa, berubah bentuk keadaannya. Takrif atau maknanya pun terhad kepada apa-apa yang bersesuaian dengan pembawa baharu.

Tidakkah menjadi satu kezaliman dari golongan yang berpihak ke Barat, mengambil pusaka orang-orang Timur? Atau tidakkah berdosa orang-orang barat mengingkarkan kelebihan guru-guru mereka orang Timur?

Benar! Orang-orang Timur tidak mengerti makna falsafah seperti yang diertikan oleh ahli-ahli falsafah Barat, tetapi siapakah dapat menafikan bahawa falsafah Barat itu terbit daripada kemajuan yang bertingkat maju setingkat demi setingkat?

Sekiranya kita perluaskan sedikit makna falsafah dengan kita masukkan pengetahuan akal dan rohani tidak dikecualikan baik dengan secara praktikal atau teori nescaya kembalilah kelebihan berfikir bagi mengeluarkan ilmu falsafah kepada orang-orang Timur yang dahulu memperolehnya.

Ini adalah pendapat yang dibawa oleh Tuan Morson Oorsel di antara kata-katanya lagi iaitu sekiranya masih ada manusia yang percaya bahawa orang-orang Greek, Rom dan umat-umat Eropah dalam zaman pertengahan dan sekarang, merekalah ahli-ahli dalam ilmu falsafah maka kepercayaan itu karut, tidak beralasan, tidak bersandar kepada kebenaran, kerana bahan-bahan ilmu falsafah itu ialah pusaka Timur. Sekiranya mereka hanya mengasingkan di antara bahan dan ilmu falsafah sejati nescaya mereka kecewa, bukan kecewanya terbatas kepada memahami ilmu itu sahaja, tetapi meliputi pada segala-galanya.

Bacalah Cetak yang kedua

Abu Bakar al-Siddiq

oleh

Abdullah Basmeh

dua penggal tamat

senaskhah \$1.20 – pusat 10 sen

pintalah kepada:

QALAM

356 & 358 Geylang Road,

SINGAPORE, 14.